



LAPORAN TAHUNAN

Pusat Transformasi Insan, Universiti Sains Malaysia

2022

ISI KANDUNGAN

1.0	Profil Korporat	
1.1	Pelan Strategik PTi	1
1.2	Carta Organisasi	2
1.3	Fungsi Unit	3
2.0	Kompetensi TERAS	
2.1	Pelaksanaan Program	4 - 5
2.2	Program Latihan ICT	6 - 7
3.0	Kompetensi FUNGSIAN	
3.1	Pengenalan	8
3.2	Pelaksanaan Program	9
4.0	Laporan Kemajuan Program Latihan lain-lain	
4.1	Tabung Latihan Staf Pentadbiran (TLSP)	10 - 11
4.2	Program Pengkayaan Bakat - <i>Administrative Outreach Program</i> (AOP)	12 - 16
4.3	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	17
4.4	<i>Credential Training Programme</i> (CTP)	
	i. Program Pemantapan Bahasa Inggeris Staf Pelaksana	18
	ii. <i>Data Driven Decision Making</i>	19
4.5	Pembangunan Modul	20
4.6	POTENSI	21
4.7	<i>Leadership Talk Series 2022</i>	22
4.8	Syarahan Pentadbir	23 - 24
5.0	Pembangunan SISTEM	
5.1	Sistem Repositori Kepakaran Latihan	25
6.0	Pengumpulan MATA CPD STAF	26 - 28

PELAN STRATEGIK

PUSAT TRANSFORMASI INSAN

VISI

Membangunkan Bakat Berprestasi Tinggi Untuk Kelestarian Masa Hadapan

MISI

Membangun, memperkasa dan menyediakan bakat yang kompeten berteraskan kompetensi dan rukun nilai USM yang membudayakan kerja berprestasi tinggi sejajar dengan Misi dan Visi USM.

S01

PEMBANGUNAN BAKAT

Memperkasa kompetensi teras dan fungsian sebagai suri teladan yang berupaya memenuhi keperluan pentadbiran jabatan merentasi skim perkhidmatan

S02

PEMANTAPAN PROGRAM LATIHAN

Meningkatkan akses program pembangunan bakat melalui medium atas talian dan konvensional yang menyeluruh dan berdaya saing untuk kecemerlangan institusi

S03

NILAI USM

Mentransformasi keupayaan bakat berprestasi tinggi yang berteraskan nilai-nilai USM serta memahami visi, misi dan aspirasi masa hadapan Universiti

S04

KELESTARIAN BAKAT

Memperkasakan bakat melalui program latihan berimpak bagi memastikan kelestarian bakat yang berterusan

CARTA ORGANISASI



Nurulhasna Hasan Pereka	Mohamad Hafiz Mohamad Nazeri Pembantu Tadbir (P/O)	Afnan Munir Abdul Manan Pembantu Tadbir (P/O)	Nadzira Md. Nazir Penolong Pendaftar Kanan	Roslan Ismail Pengarah	Nurul Izzati Rozali Penolong Pendaftar Kanan	Norfadelina Abdullah Pembantu Tadbir (P/O)	Zarina Mansor Pembantu Tadbir (P/O)	Mohd Yusmar Mohamed Yusoff Pembantu Operasi
Norizal Hamad Pembantu Operasi	Nur Azirah Aznan Pembantu Setiausaha	Mohd Hasrul Hamzah Penolong Jurutera			Farizi Hafiz Ramli Pembantu Tadbir (P/O)	Nor Azzila Yahya Pembantu Tadbir (P/O)	Nur Saidatul Syazwani Jamaludin Pembantu Tadbir (P/O)	Adam Rosli Pereka

**PEMBANGUNAN KOMPETENSI
FUNGSIAN & MYCPD**

**PEMBANGUNAN KOMPETENSI TERAS &
PENJANAAN KEWANGAN**



FUNGSI UNIT

PUSAT TRANSFORMASI INSAN

UNIT PEMBANGUNAN KOMPETENSI FUNGSIAN DAN MYCPD



Dasar Latihan

Memastikan Dasar Latihan USM iaitu setiap staf diwajibkan menjalani aktiviti latihan CPD setahun dapat dilaksanakan



ICT

Membangunkan roadmap latihan Kompetensi Teras (ICT) dan Fungsian berdasarkan skim dan gred perjawatan untuk pembangunan bakat yang sistematik dan komprehensif



Promosi

Menyelaras dan mempromosi pelaksanaan program latihan melalui laman web rasmi PTI dan kalendar latihan USM



Maklumbalas

Memastikan maklumbalas dan cadangan dari pelanggan mengenai Perkhidmatan latihan diselarasakan dengan lancar dan memenuhi keperluan kompetensi

UNIT PEMBANGUNAN KOMPETENSI TERAS DAN PENJANAAN KEWANGAN



Pembangunan Bakat

Memastikan perancangan dan pemantauan program latihan USM dilaksanakan secara sistematik dan memenuhi keperluan pembangunan bakat dan kompetensi staf USM



Penilaian

Membangunkan instrumen penilaian keberkesanan program latihan bagi tujuan peningkatan kualiti latihan dan pembangunan bakat



Perhubungan Strategik

Mewujudkan perhubungan strategik pembangunan bakat antara PTJ USM dan agensi luar



KIK

Menguruskan Konvensyen Kreatif dan Inovatif peringkat USM dan Kebangsaan



PTM

Merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan Program Latihan Kompetensi Teras dan Fungsian bagi staf bukan akademik serta Kursus Wajib (Program Transformasi Minda)



Pemasaran

Menyelaras aktiviti latihan di media sosial rasmi PTI (facebook), Laman Web dan mengumpulkan bahan bergambar serta video latihan sebagai arkib rujukan USM



TLBA

Tabung Latihan Bukan Akademik

PELAKSANAAN LATIHAN

KOMPETENSI TERAS

Kompetensi Teras adalah kompetensi yang diperlukan oleh semua staf USM melibatkan semua kumpulan dan gred perjawatan bagi mencapai pelan strategik Universiti. Latihan Kompetensi Teras USM adalah secara berfokus bertujuan untuk merapatkan jurang kompetensi. Latihan dijalankan secara bersemuka dan dalam talian di ketiga-tiga kampus melibatkan kepakaran dalaman dan pihak luar.

38
BERSEMUKA
PESERTA
4396



30
DALAM TALIAN
PESERTA
4142



JUMLAH PESERTA
8538



JUMLAH PROGRAM
68

STATISTIK MENGIKUT
KOMPETENSI TERAS

JUMLAH
PROGRAM

BERSEMUKA

e-MyCPD

STATISTIK MENGIKUT KOMPETENSI TERAS	JUMLAH PROGRAM	BERSEMUKA	e-MyCPD
LEADING CHANGE	3	3	-
NETWORKING & LIAISING	-	-	-
MANAGING RESOURCES	8	4	4
COMMUNICATION	4	2	2
STRATEGIC THINKING	1	1	-
PROBLEM SOLVING	9	2	7
SERVICE DELIVERY	43	26	17
JUMLAH KESELURUHAN	68	38	30

PELAKSANAAN LATIHAN

KOMPETENSI TERAS (BERMODUL)

Kursus Kompetensi Teras Siri 1 : Komunikasi kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) telah dilaksanakan selama 2 hari iaitu pada 4 & 5 Oktober 2022 di Dewan Peperiksaan, Jabatan Pendaftar Kampus Kesihatan. Seramai 30 orang pegawai P&P gred 41 dan gred 44 telah dikenalpasti sebagai peserta kumpulan pertama ini.

Pusat Transformasi Insan (PTI) Kampus Kesihatan menjemput penceramah daripada USM Kampus Induk, Profesor Madya Dr. Suhaida Md Noor dari Pusat Pengajian Komunikasi dan Dr. Leelany Ayob dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan bagi mengendalikan Siri 1 ini.

Modul kursus ini menumpukan aspek komunikasi dalam organisasi dan dibentuk untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah menyampaikan idea, maklumat, perancangan, keputusan, aktiviti dan arahan secara jelas dan padat dalam organisasi. Tambahan, ia dibangunkan berdasarkan nilai A.S.U.H yang menjurus kepada pengasahan bakat staf menerusi gabungan elemen pengetahuan, kemahiran dan keupayaan staf selari dengan visi dan misi universiti.

Objektif kursus ini adalah untuk melatih peserta meningkatkan keupayaan menyampaikan idea, maklumat, keputusan, perancangan, aktiviti dan arahan secara jelas dan mudah difahami oleh penerima. Topik yang dibincangkan adalah kepentingan penyampaian dan pertukaran idea, konflik dan penyelesaian serta komunikasi dalam membuat keputusan.

Secara keseluruhan semua peserta memberikan komitmen penuh dalam setiap aktiviti sepanjang program berlangsung.




PELAKSANAAN LATIHAN

PROGRAM ICT

Selari dengan pelancaran Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia MyDIGITAL, 2020 telah menggariskan 6 teras utama terutamanya dalam pemerkasaan Teras 1 iaitu Memacu Transformasi Digital Sektor Awam dan antaranya adalah 100% penjawat awam celik digital dan 80% perkhidmatan kerajaan dalam talian.

Bagi merealisasikan sasaran MyDIGITAL ini, Universiti telah mengambil inisiatif untuk mengaktifkan semula Dasar Pengumpulan Mata CPD ICT kepada Staf Pentadbiran dan telah memperkenalkan 8 bidang utama berteraskan ICT dalam memastikan staf sentiasa kompeten dalam penyampaian perkhidmatan. Latihan ICT ini dijalankan secara bersemuka dan dalam talian bagi ketiga-tiga kampus.



JUMLAH PROGRAM
115



JUMLAH PESERTA
9892

KOMPETENSI FUNGSIAN

Kompetensi Fungsian merupakan kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam skim perkhidmatan staf. USM mempunyai 17 skim perkhidmatan utama pentadbiran merangkumi skim A sehingga skim W. Pusat Transformasi Insan telah melantik 23 Ketua skim dan 68 penyelaras skim bagi membantu merancang dan melaksana latihan kompetensi fungsian mengikut roadmap latihan skim masing-masing.



PELAKSANAAN

KOMPETENSI FUNGSIAN (sehingga 22 November 2022)


76
BERSEMUKA



34
DALAM TALIAN



**JUMLAH
PROGRAM
110**



TABUNG LATIHAN STAF PENTADBIRAN (TLSP) PUSAT TRANSFORMASI INSAN

Pengenalan

TLSP merupakan satu kemudahan yang diberikan oleh pihak Universiti kepada staf pentadbiran bagi peningkatan kompetensi dan kualiti penyampaian perkhidmatan. Tabung ini berfungsi sebagai dana bagi membiayai staf pentadbiran mengikuti kursus jangka pendek yang disediakan oleh penyedia latihan luar.

OBJEKTIF



Meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keupayaan staf berdasarkan keperluan kompetensi teras dan fungsian.




Mengaplikasi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pekerjaan



STATISTIK PELAKSANAAN

TABUNG LATIHAN STAF PENTADBIRAN (TLSP)

(sehingga 22 November 2022)



13%
PENSIJILAN
PROFESIONAL/
LESEN/ APC

38%
LATIHAN / BENGKEL

49%
PERSIDANGAN/
SEMINAR/
KONVENSYEN



PROGRAM PENGKAYAAN BAKAT

ADMINISTRATIVE OUTREACH PROGRAM (AOP)

AOP merupakan kemudahan yang diberikan oleh Universiti kepada staf pentadbiran (Pengurusan & Professional dan Pelaksana) dalam tempoh tertentu untuk memperoleh pengalaman dan pengetahuan tentang perkembangan dan kemajuan terkini pentadbiran atau bidang yang bersangkutan dengan tugas hakiki staf terlibat. Bidang fokus utama AOP adalah peningkatan penyampaian perkhidmatan yang merupakan salah satu Kompetensi Teras Universiti.

OBJEKTIF


Membentuk budaya kerja berprestasi tinggi dan inovatif berteraskan penyelesaian masalah melalui kajian kes bagi pementapan penyampaian perkhidmatan

Mewujudkan staf yang cemerlang, bermotivasi dan berfikiran strategik melalui perancangan pembangunan bakat yang berstruktur selaras dengan misi dan visi Universiti.

Memberi pendedahan minda dan perkongsian ilmu tanpa sempadan seterusnya membentuk jaringan kerjasama dan kepakaran staf dengan komuniti luar.




Lee Merlo explains the importance of agility for a project manager.




PELAKSANAAN

ADMINISTRATIVE OUTREACH PROGRAM (AOP)









PESEERTA MENGIKUT KAMPUS



PELAKSANAAN

ADMINISTRATIVE OUTREACH PROGRAM (AOP)

JANGKA PENDEK

	PENYEDIA LATIHAN	BILANGAN PESERTA
	Harvard Business School	
	Successfully Implement Strategy Within Your Organization	1
	The University of Chicago, School of Business	
	Leading with Data and Analytics	3
	Rice University	
	Strategic Project Management	2
	George Washington University	
	Healthcare Management	1
	INSEAD Singapore	
	Driving Digital Marketing Strategy	2
	COMFORI	
	Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan & Imej Korporat	4

PELAKSANAAN

ADMINISTRATIVE OUTREACH PROGRAM (AOP)

SABATIKAL PENTADBIRAN

PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN)

JEPUN

Career Counselor / Advisor Development Program

ENGLAND

Certificate in Event Management Course

NEW ZEALAND

New Zealand National Poisson Centre (Designing of Conceptual Framework for The Introduction of Consumer Product Information into Malaysian

PELAKSANA

MALAYSIA

Malaysian Enterostomal Therapy Nursing Education Program Course (METNEP) Batch 2022

THAILAND

Training Course for Medical Entomology

PELAKSANAAN

ADMINISTRATIVE OUTREACH PROGRAM (AOP)

SESI LIBAT URUS USM-PARLIMEN MALAYSIA

Sesi Libat Urus USM bersama Parlimen Malaysia telah dihadiri oleh 30 Pegawai Tadbir Universiti (PTU) dan seorang Pegawai Teknologi Maklumat. Program yang julung kali diadakan ini adalah bertujuan untuk memperkasakan bakat pegawai yang majoritinya terdiri daripada Setiausaha Majlis di Pusat Pengajian masing-masing dalam konteks digitalisasi melibatkan aspek pengurusan mesyuarat, proses penyediaan dokumentasi, penyimpanan dan capaian minit mesyuarat yang dilaksanakan didalam sistem pengurusan Parlimen Malaysia.

Pelaksanaan sesi libat urus USM-Parlimen ini juga secara tidak langsung adalah bagi menyahut Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital), Teras 1 iaitu memacu transformasi digital sektor awam dengan sasaran 80% perkhidmatan kerajaan secara dalam talian pada tahun 2025.

Kunjungan ini mendapat sambutan yang amat baik daripada pihak Parlimen Malaysia yang diketuai oleh Encik Azhari, Ketua Seksyen Penyata Rasmi. Pelbagai ilmu dan kemahiran telah dikongsikan bersama delegasi USM antaranya melibatkan kaedah penyediaan Hansard (Penyata Rasmi) yang hanya mengambil masa beberapa jam sahaja sebelum persidangan Dewan Rakyat/Dewan Negara bermula keesokan harinya.



PESERTA MENGIKUT KAMPUS



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Pada tahun 2022, PTi telah mempolopori pendekatan Business Process Reengineering (BPR) dan Business Process Automation (BPA) dalam penganjuran Kumpulan Inovatif & Kreatif. Penilaian impak bagi projek inovasi dan kreativiti yang diketengahkan oleh setiap kumpulan adalah berfokus kepada peningkatan kecekapan proses kerja dan kos efektif dengan pengurangan sekurang-kurangnya 30% proses pentadbiran. Pendekatan ini secara tidak langsung membuka ruang kepada PTJ khususnya dan Universiti amnya dalam usaha memantapkan proses kerja masing-masing melalui Kumpulan Inovatif & Kreatif.

Konvensyen KIK pada tahun ini telah dijalankan pada 5 Julai 2022 dengan tema Inovasi & Kreativiti Melonjak Penyampaian Perkhidmatan mempertandingkan 2 kategori iaitu teknikal & pengurusan melibatkan penyertaan merentasi kampus.

Pemenang konvensyen telah mewakili USM ke Konvensyen KIK UA yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) pada 21 September 2022. 3 Kumpulan USM telah mendapat penarafan emas dan 1 kumpulan mendapat penarafan perak.



JOHAN KATEGORI PENGURUSAN

KUMPULAN **PROTECH ADL**
ADVANCED DIAGNOSTIC LABORATORY
INSTITUT PERUBATAN & PERCIGIAN TERMAJU (IPPT)

HADIAH **RM4000**
PIALA PUSINGAN
PIALA IRINGAN

TAJUK PROJEK:
Kesukaran dalam melakukan proses vertikal mikropipet di Makmal Diagnostik Perubatan

NAIB JOHAN KATEGORI PENGURUSAN

KUMPULAN **MyLEAN. PHS**
PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT
KAMPUS INDUK

HADIAH **RM2000**
PIALA IRINGAN

TAJUK PROJEK:
Peningkatan kesedaran pemprosesan buku perpustakaan

PERSEMBAHAN TERBAIK

KUMPULAN **REHAB JASMINE 2.0**
UNIT PERUBATAN PEMULIHAN, HUSM
KAMPUS KESIHATAN

HADIAH **RM1500**
PIALA IRINGAN

TAJUK PROJEK:
Meningkatkan kemahiran kognitif, mata halus, somatosensory dan visual pesakit kecederaan otak traumatic & non-traumatic

JOHAN KATEGORI TEKNIKAL

KUMPULAN **DENTECH**
PUSAT PENGAJIAN SAINS PERCIGIAN
KAMPUS KESIHATAN

HADIAH **RM4000**
PIALA PUSINGAN
PIALA IRINGAN

TAJUK PROJEK:
Mini Kit/kit "Aerial Generating Procedure" (Agp)

NAIB JOHAN KATEGORI TEKNIKAL

KUMPULAN **UPN**
UNIT PERUBATAN NUKLEAR
INSTITUT PERUBATAN & PERCIGIAN TERMAJU (IPPT)

HADIAH **RM2000**
PIALA IRINGAN

TAJUK PROJEK:
Mengurangkan pembaziran air daripada mesin pengaliran "Reverse Osmosis"

POSTER TERBAIK

KUMPULAN **PROTECH ADL**
ADVANCED DIAGNOSTIC LABORATORY
INSTITUT PERUBATAN & PERCIGIAN TERMAJU (IPPT)

HADIAH **RM500**
PIALA IRINGAN

TAJUK PROJEK:
Kesukaran dalam melakukan proses vertikal mikropipet di Makmal Diagnostik Perubatan

PELAKSANAAN

CREDENTIAL TRAINING PROGRAMME (CTP)

PEMANTAPAN BAHASA INGGERIS KUMPULAN PELAKSANA




INDUK KESIHATAN KEJURUTERAAN
87 18 13

CTP: Pemantapan Bahasa Inggeris kepada Kumpulan Pelaksana dirangka berteraskan Kompetensi Communication yang merupakan salah satu daripada Kompetensi Teras USM. CTP ini merupakan antara inisiatif Universiti bagi pemantapan pembangunan bakat yang lebih strategik dan berfokus ke arah penyampaian perkhidmatan Universiti yang berkualiti.

Pada tahun 2022 CTP telah diadakan sebanyak 5 siri latihan bermula pada 7 September sehingga 5 Oktober 2022 kepada Staf Kumpulan Pelaksana Gred 11,14,19 & 22. Seramai 118 peserta terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan, dan gred jawatan di ketiga-tiga kampus telah berjaya melengkapkan keseluruhan 5 siri latihan yang telah dijalankan pada tahun ini.

Program ini dijalankan dengan kerjasama Pusat Bahasa, Literasi & Terjemahan, USM.



PELAKSANAAN

CREDENTIAL TRAINING PROGRAMME (CTP)

DATA DRIVEN DECISION MAKING

KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

MODUL LATIHAN

DATA VISUALIZATION BY
POWER BI DESKTOP

MANAGEMENT INSIGHTS

STATISTICAL ANALYSIS BY
IBM SPSS

A GUIDE TO STRATEGIC
FORESIGHT

Credential Training Program (CTP) Data Driven Decision Making dibangunkan berfokus kepada Kompetensi Managing Resources dan bertujuan meningkatkan kompetensi pentadbir dalam penguasaan data dan statistik bagi mencapai pelan strategik Univerisit.

Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan konsep, teknik dan membina kemahiran staf pelbagai kaedah statistik dalam menguruskan data, permodelan, visualisasi infografik, ramalan masa hadapan berdasarkan data untuk membuat keputusan

Seramai 188 orang Pegawai Pengurusan & Profesional Gred 41,44 & 48 telah terpilih untuk mengikuti program ini yang dijalankan sebanyak 5 siri berteraskan 5 modul latihan yang telah dibangunkan



INDUK
120



KESIHATAN
32



KEJURUTERAAN
36



INDUK
3
SIRI



KESIHATAN
1
SIRI



KEJURUTERAAN
1
SIRI



PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN

Mulai tahun 2020, PTI telah mula bergiat aktif dalam pembangunan modul latihan sebagai panduan dalam pembelajaran dan pembangunan bakat staf USM. Sebanyak 15 buah modul telah dibangunkan pada tahun 2021 dan tambahan 9 buah modul dibangunkan pada tahun 2022.



BIL.	MODUL	TAJUK
1	Kompetensi Teras	<i>Service Delivery (Pengurusan & Profesional)</i>
2		<i>Service Delivery (Pelaksana)</i>
3		<i>Communication (Pengurusan & Profesional)</i>
4		<i>Communication (Pelaksana)</i>
5	<i>Credential Training Programme (CTP) : Penyeliaan</i>	<i>Penyeliaan Efektif</i>
6	<i>Credential Training Programme (CTP) : Data Driven Decision Making</i>	<i>Data Driven Decision Analytics Using Excel Solver & Tableau</i>
7		<i>A Guide to Strategic Foresight</i>
8		<i>Management Insights</i>
9		<i>Data Visualization and StoryTelling</i>

Program Penilaian Kompetensi Pentadbir

POTENSI


KEMAJUAN KERJAYA STAF PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN)

Pusat Transformasi Insan (PTi) diberi kepercayaan oleh Universiti sebagai Pusat Penilaian Kemajuan Kerjaya staf Pengurusan & Profesional (Pentadbiran). Program Penilaian Kompetensi Pentadbir (POTENSI) telah dilaksanakan pada tahun 2021 melibatkan permohonan kemajuan kerjaya gred 54 sebagai pilot projek. POTENSI secara umumnya adalah sinergi antara HRD dan HRM untuk mengenalpasti kolam bakat dalam kalangan pentadbir bagi memupuk ekosistem yang menyeluruh, kompeten dan berdaya saing bagi mencapai matlamat strategik Universiti. POTENSI juga adalah bertujuan untuk membangunkan trek kepimpinan kemajuan kerjaya pentadbir selari dengan trek kepimpinan kemajuan kerjaya gred khas staf akademik.



Rajah 1: Komponen Penilaian POTENSI

Antara komponen utama penilaian POTENSI adalah berteraskan kepada tujuh Kompetensi Teras USM. POTENSI berperanan sebagai saringan awal permohonan kemajuan kerjaya di mana peserta yang melepasi tahap yang ditetapkan akan ke peringkat akhir untuk ditemubual oleh Jawatankuasa Pemilih Kemajuan Kerjaya.



Rajah 2: Roadmap Penilaian POTENSI Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran)

POTENSI akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2022 dengan melibatkan gred pejawatan 48, 52 dan 54.





LEADERSHIP TALK SERIES 2022

Leadership Talk Series merupakan program perkongsian kepakaran dan ilmu pengetahuan melibatkan tokoh ternama tanahair. Perkongsian ini adalah dalam aspek kepimpinan dan pentadbiran di Malaysia yang membicarakan berkaitan agenda pembangunan bakat staf berprestasi tinggi berteraskan kepada Kompetensi Teras USM.

Leadership Talk Series pada tahun ini telah diadakan sebanyak 2 siri dengan menampilkan YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan, Pro Canselor USM dan YBhg. Tan Sri Andrew Sheng, Pengerusi George Town Institute of Open and Advanced Studies, Wawasan Open Universiti, Malaysia. Program ini telah dihadiri oleh warga USM yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Universiti, Ketua-Ketua Jabatan dan staf USM.



Leadership Talk Series bagi tahun 2023 akan diteruskan lagi dengan menampilkan tokoh-tokoh hebat dalam dan luar negara antaranya adalah Dato' Sri Awang Adek dan Tan Sri Tony Fernandes.



SYARAHAN PENTADBIR

Syarahan Pentadbir adalah platform sesi perkongsian pengalaman dan kepakaran pentadbir universiti dalam konteks kepimpinan, mentoring, coaching dan peningkatan kecekapan proses. Syarahan Pentadbir mula diperkenalkan pada tahun 2022 dengan membawakan pentadbir yang berpengalaman dan berkongsi idea dalam aspek pemantapan tabdir urus, kompetensi, inovasi dan perkara lain yang berkaitan dalam melonjak kualiti penyampaian perkhidmatan. Sebanyak 3 siri Syarahan Pentadbir telah dijalankan secara dalam talian pada bulan April, Jun dan Oktober 2022.

Siri 1/2022 telah disampaikan oleh Tn. Hj Yusoff Abdullah, Ketua Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat USM Digital bertajuk 'Kecekapan Proses Kerja Melalui Pendigitalan.' Manakala Puan Rugayah Ali, Mantan Ketua Pustakawan telah menyampaikan Siri 2/2022 dengan tajuk 'Strategi Pengurusan Projek Efektif dan Produktif.' Encik Md Lukmi Ismail, Pegawai Sains, Pusat Pengajian Sains Kesihatan telah menyampaikan Siri 3/2022 dengan tajuk 'Universiti Melalui Pengurusan Sumber Efektif.'



KOMPETENSI ICT

SIRI SYARAHAN PENTADBIR
KECEKAPAN PROSES KERJA MELALUI PENDIGITALAN

12 APRIL 2022 (SELASA) 9:30 PG - 11:30 PG

KUMPULAN SASARAN
PENGURUSAN & PROFESIONAL

SINOPSIS PROGRAM

Sesuai era transformasi digital, semua pihak terlibat digital perlu bersedia dalam menghadapi perubahan. Hal ini dapat dicapai melalui inovasi, kecekapan, organisasi, serta inovasi/pendigitalan. Program ini akan menyampaikan kepada peserta mengenai konsep digitalisasi dan bagaimana ia dapat meningkatkan proses perkhidmatan.

Sesuai era transformasi digital, semua pihak terlibat digital perlu bersedia dalam menghadapi perubahan. Hal ini dapat dicapai melalui inovasi, kecekapan, organisasi, serta inovasi/pendigitalan. Program ini akan menyampaikan kepada peserta mengenai konsep digitalisasi dan bagaimana ia dapat meningkatkan proses perkhidmatan.



Tuan Haji Yusoff Abdullah
 Ketua Timbalan Pendaftar Kanan
 Pejabat USM-Digital

PERMOHONAN
 Sila layari <http://bit.ly/uspj2022> untuk permohonan menghadiri program ini.

MAKLUMAT LANJUT

Hubungi: 011-2222 2222 | Email: uspj@uspj2022.com

KOMPETENSI SERVICE DELIVERY

SIRI 2/2022 : SYARAHAN PENTADBIR
STRATEGI PENGURUSAN PROJEK EFEKTIF & PRODUKTIF

SELASA 28 JUN 2022 9:15 pagi - 11:30 pagi



PUAN RUGAYAH ALI
 Mantan Ketua Pustakawan
 Universiti Sains Malaysia

Program ini secara umumnya akan berfokuskan kepada pengurusan projek perkhidmatan dalam membina strategi pengurusan projek yang efektif dan efisien. Pengurusan projek secara kualitatif pengurusan projek merupakan satu proses yang merangkumi aspek perancangan, perubahan dan inovasi dalam proses kerja. Pengurusan projek yang berkesan memerlukan perancangan dan strategi. Kawan anda, yang efektif bagi peningkatan pengurusan projek.

LIVE



MEETING NUMBER
2511 436 0439

PASSWORD
uruspj2022

PAUTAN WEBEX LIVE
<https://bit.ly/uruspj2022>

f LIVE



PAUTAN FACEBOOK LIVE
<https://www.facebook.com/uspj2022>

MAKLUMAT LANJUT

Hubungi: 011-2222 2222 | Email: uspj@uspj2022.com

KOMPETENSI MANAGING RESOURCES

SYARAHAN PENTADBIR SIRI 3/2022
MELESTARIKAN UNIVERSITI MELALUI PENGURUSAN SUMBER EFEKTIF

RABU 19 OKT 2022 9:30 pagi - 11:30 pagi



ENCIK MD LUKMI ISMAIL
 Pegawai Sains, Pusat Pengajian Sains Kesihatan

SINOPSIS PROGRAM

Program ini akan menyampaikan kepada peserta mengenai konsep digitalisasi dan bagaimana ia dapat meningkatkan proses perkhidmatan.

LIVE



MEETING NUMBER
2517 052 7237

PASSWORD
ispj2022

PAUTAN WEBEX LIVE
<https://bit.ly/ispj2022>

MAKLUMAT LANJUT

Hubungi: 011-2222 2222 | Email: ispj@ispj2022.com

SISTEM REPOSITORI KEPAKARAN LATIHAN

PEMBANGUNAN SISTEM

Repositori kepakaran latihan adalah platform rujukan maklumat bidang kepakaran latihan pembangunan bakat dalam kalangan staf pentadbiran dan akademik USM. Sistem yang dibangunkan pada Tahun 2022 ini memperincikan bidang serta sub bidang kepakaran latihan mencakupi antaranya latihan kompetensi teras, fungsian, ICT dan nilai. Sistem ini mencakupi 34 bidang utama melibatkan 71 penceramah yang terdiri daripada staf pentadbiran dan akademik USM.

NAMA	BIDANG
ABDUL LATIF BIN AHMAD	PENULISAN & DOKUMENTASI PENTADBIRAN
ABDUL MU'IZZ BIN ABD AZIZ	KEWANGAN
ABDUL NASER BIN ABDUL GHANI	PENGURUSAN MAKMAL
AHMAD SALWAN BIN ABDUL WAHAB	<ul style="list-style-type: none"> • PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN • ICT
AHMAD SIDDIKI BIN ABDUL KADIR	KOMUNIKASI
ALIMIE BINTI LIMAN	PENGURUSAN & PENULISAN MEDIA
ASPEENEE BINTI AB. RAZAK	KESEJAHTERAAN STAF
AZLINA BINTI AHMAD	KESEJAHTERAAN STAF
ENIKARTINI BINTI DALID	KOMUNIKASI

PUAN NURUL IZZATI BINTI ROZALI

PEGAWAI TADBIR N44
 PUSAT TRANSFORMASI INSAN
 KAMPUS INDUK
 ✉ nizatier@usm.my | ☎ 04-653 5537


BIDANG KEPAKARAN :

1. PENGURUSAN PENTADBIRAN
 - a. PENYEDIAAN DESKRIPSI TUGAS (JD) DAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)


PENGUMPULAN MATA CPD STAF 2022

(sehingga 22 November 2022)

STATUS PENGUMPULAN MATA CPD KESELURUHAN



PERATUS PENGUMPULAN MATA CPD KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN PENJAWATAN




PENGUMPULAN MATA CPD STAF

(sehingga 30 November 2021)

2022


(sehingga 22 November 2022)

STATUS PENGUMPULAN MATA CPD
KAMPUS INDUK




■ CUKUP MATA ■ TIDAK CUKUP MATA ■ TIADA MATA

STATUS PENGUMPULAN MATA CPD
KAMPUS KESIHATAN



■ CUKUP MATA ■ TIDAK CUKUP MATA ■ TIADA MATA

STATUS PENGUMPULAN MATA CPD
KAMPUS KEJURUTERAAN




■ CUKUP MATA ■ TIDAK CUKUP MATA ■ TIADA MATA

PENGUMPULAN MATA CPD STAF 2022

(sehingga 22 November 2022)

PERBANDINGAN PENGUMPULAN MATA CPD MENGIKUT PENJAWATAN



	CUKUP MATA	TIDAK CUKUP MATA	TIADA MATA
— P&P	84%	15%	1%
— PELAKSANA	92%	7%	1%
— AKADEMIK	91%	8%	1%